

**SOALAN NO. 548****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN****DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY  
[SIMPANG RENGGAM]****TARIKH : 24 / 7 / 2017 [ ISNIN ]****SOALAN :**

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk menjaga dan melindungi hak dan kelangsungan hidup warga emas di mana negara Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua pada tahun 2030; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk membantu warga emas yang menghadapi kesulitan dalam simpanan persaraan mereka, seperti menaikkan Bantuan Orang Tua (BOT) dan / atau memperkenalkan skim baru.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan yang dipertua,

(a) Kerajaan prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan warga emas di Malaysia. Dalam memelihara dan melindungi hak dan kesejahteraan golongan sasar ini, pelbagai inisiatif/program telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama daripada pelbagai kementerian/agensi lain. Inisiatif ini adalah berlandaskan kepada Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (2011-2020).

Dasar dan Pelan Tindakan ini merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas dalam pembangunan negara. Sebanyak enam (6) strategi dibentuk untuk mencapai objektif dasar tersebut, merangkumi tujuh (7)

sektor iaitu kesihatan, sosial dan rekreasi, pendidikan dan kerohanian, perumahan dan persekitaran, ekonomi, pekerjaan serta penyelidikan dan pembangunan.

Secara umum, inisiatif untuk penjagaan hak warga emas adalah selaras dengan strategi ketiga dalam Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (2011-2020) iaitu **Keselamatan dan Perlindungan** yang merupakan strategi untuk menjamin hak dan akses warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan.

Walaupun tiada akta khusus untuk perlindungan hak warga emas, perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan warga emas adalah dijamin di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** dan **Kanun Keseksaan [Akta 574]**. Peruntukan di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** merangkumi ahli keluarga termasuk orang dewasa tidak berkeupayaan, dalam konteks ini ialah ibu dan bapa. Pada bulan April 2017, KPWKM telah **mencadangkan supaya Akta Keganasan Rumah Tangga dipinda** dengan bertujuan untuk mempertingkatkan lagi perlindungan kepada

mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan. Pindaan ini termasuk perlindungan harta warga emas.

Bagi memastikan kelangsungan hidup warga emas, program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan termasuklah menggalakkan pemakanan dan gaya hidup yang sihat, menyediakan garis panduan perancangan fizikal warga emas untuk menjamin bangunan dan kemudahan yang mesra warga emas, memperkasa modal insan dalam penjagaan warga emas, memperkuuh akses kepada perkhidmatan kesihatan, meningkatkan kesedaran terhadap isu penuaan di kalangan ahli keluarga dan komuniti bagi meningkatkan kesepaduan antara generasi serta memperluaskan program berasaskan komuniti dengan menggalakkan kesukarelawan bagi membolehkan penuaan setempat (*ageing in place*) di kalangan warga emas. Inisiatif lain termasuk pelepasan cukai sehingga RM5,000 kepada penjaga warga emas dan diskaun untuk penggunaan pengangkutan awam oleh warga emas.

Program utama di bawah KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas termasuklah menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan

kebijikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT), penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan, Program *Home Help Services* serta program pemerkasaan ekonomi warga emas.

(b) Beban dan tanggungan Kerajaan untuk Bantuan Orang Tua (BOT) dijangka akan meningkat memandangkan populasi warga emas akan mencapai 5.8 juta orang atau 15.3% daripada populasi Malaysia menjelang tahun 2030. Kerbergantungan kepada BOT atau bantuan kewangan lain semata-mata adalah tidak lestari dalam jangka masa panjang. Antara inisiatif yang diberi keutamaan oleh Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas adalah menyediakan pemangkin (*enabler*) untuk membantu warga emas menyertai semula pasaran buruh bagi meningkatkan pendapatan mereka. Karnival kerjaya dan portal JobsMalaysia merupakan platform yang menyediakan peluang untuk pemandanan pekerjaan kepada warga emas. Selain itu, Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) yang telah berkuatkuasa pada tahun 2010 juga memberi kelonggaran dari segi keanjalan waktu bekerja bagi membolehkan lebih ramai orang

menyertai pasaran buruh termasuk warga emas, suri rumah dan orang kurang upaya.

Selain itu, Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2016 telah bersetuju untuk menubuhkan Badan Induk Penyelarasian Dasar dan Pelaksanaan Program Perlindungan Sosial Secara Bersepadu Bagi Memperkasakan Sistem Perlindungan Sosial Negara. Inisiatif yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi termasuk KPWKM ini bertujuan untuk mewujudkan satu Sistem Perlindungan Sosial yang komprehensif dan bersepadu bagi memenuhi keperluan serta melindungi kumpulan isi rumah yang mudah terjejas termasuk warga emas. Sistem Perlindungan Sosial ini juga adalah bagi memastikan bantuan sosial dapat disampaikan kepada kumpulan sasar yang layak. Sehubungan itu, keperluan untuk mewujudkan skim bantuan baharu boleh dikaji bersekali dengan perwujudan Sistem Perlindungan Sosial secara menyeluruh.

KPWKM yakin bahawa Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan segala inisiatif yang dinyatakan di atas merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas bukan sahaja daripada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi malah ia

turut merangkumi semua aspek berkaitan warga emas. Walau bagaimanapun, kejayaan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara ini bergantung kepada komitmen dan sokongan pelbagai pihak iaitu Kerajaan, swasta dan NGO.